



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**

**RM1 MILLION SALES CELEBRATION WITH THE ARTISANS HAVEN**

**LOKASI / TARIKH / MASA**

**BERJAYA TIMES SQUARE,  
5 SEP 2023 (SELASA)  
10.30 PAGI**

## **(A) PENDAHULUAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Ilahi, atas nikmat dan kurniaan-Nya, kita dapat berkumpul bersama untuk meraikan satu pencapaian yang amat membanggakan.
2. Saya amat berbesar hati untuk berada di sini bersama anda semua, bagi meraikan pencapaian perniagaan dan komuniti yang diterajui para wanita yang luar biasa ini.

3.  Jualan RM1 juta ini bukan sekadar satu angka – ianya adalah bukti semangat, dedikasi, kreativiti, dan usaha gigih usahawan-usahawan wanita & komuniti. Pencapaian ini juga mencerminkan komitmen mereka dalam mengatasi cabaran dalam setiap perusahaan.
  
4.  Selain itu, angka jualan sebanyak ini juga mencerminkan sokongan yang telah diberikan oleh pelbagai pihak kepada usahawan-usahawan wanita & komuniti. Ianya adalah bukti yang menunjukkan betapa pentingnya sokongan yang

diberikan untuk mendorong perkembangan perniagaan wanita & komuniti.

5. Saya difahamkan bahawa 10 peratus dari keseluruhan jualan tersebut datang dari entiti korporat dan perniagaan kecil & sederhana (SME) yang ingin menyokong dan memperkasa komuniti wanita dan perniagaan kecil tempatan.
6. Sokongan daripada sektor korporat dan SME ini amat bernilai. Ia bukan sahaja membantu mendorong perkembangan

usahawan-usahawan wanita & komuniti, malah turut memberikan impak sosial yang positif.

7. Dengan itu, saya menyeru agar syarikat-syarikat korporat lain mengikuti jejak langkah penyokong-penyokong korporat dan SME tersebut, agar memberi impak yang berganda untuk terus memperkasakan usahawan-usahawan wanita, komuniti dan individu-individu yang memerlukan bantuan.

Para hadirin sekalian,

8. Perusahaan kecil merupakan tulang belakang ekonomi negara. Setiap perniagaan adalah impian dan aspirasi individu yang berani menceburi dunia keusahawanan, walaupun ianya dipenuhi pelbagai cabaran dan ketidaktentuan. Ianya juga menjadi satu jalan untuk menjana pendapatan bagi meneruskan kehidupan, dan seterusnya membina masa depan yang lebih baik
9. Pada peringkat komuniti, perusahaan kecil seperti barangan kraftangan bukan sekadar sebuah entiti perniagaan;

kraftangan itu mencerminkan budaya, gaya hidup serta warisan yang melambangkan keunikan negara kita.

10. Pada peringkat nasional pula, perusahaan kecil adalah antara penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dengan menjana peluang pekerjaan, merangsang inovasi, dan memacu pembangunan tempatan.
11. Perusahaan kecil adalah “gear” yang memastikan enjin ekonomi kita berfungsi, dan saya percaya, mereka berhak



mendapat sokongan yang tidak berbelah bahagi dari semua pihak.

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian,

12. Saya amat gembira melihat kerjasama antara The Artisans Haven dan Khadijah International Waqf Foundation. Di bawah jenama Khadijah Artisans, kerjasama ini akan membawa produk dan kraf dari pihak wanita & komuniti ke

pusat beli-belah terkemuka negara seperti Pavilion KL, Starhill, Berjaya Times Square dan Merdeka 118.

13. Saya percaya jalinan kerjasama ini akan membawa matlamat yang lebih menyeluruh, untuk memperkasakan wanita dan masyarakat secara amnya.
14. Saya berharap untuk melihat trend ini terus berkembang, dengan lebih banyak syarikat korporat terlibat untuk memperkasakan perusahaan wanita dan komuniti yang memerlukan. Setiap sokongan, sama ada dalam bentuk

sokongan moral, kerjasama perniagaan, atau bantuan dalam pembangunan komuniti, adalah satu langkah penting dalam mewujudkan perubahan yang kita inginkan.

15. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesudian menjemput saya untuk bersama-sama meraikan pencapaian ini pada pagi ini.
16. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada The Artisans Haven, Khadijah International Waqf Foundation, para korporat & SME serta Berjaya Times Square

atas usaha mereka dalam membantu perusahaan wanita & komuniti kita. Saya berharap, inisiatif dan kerjasama yang kita saksikan pada hari ini memberi inspirasi kepada lebih ramai usahawan wanita dan tukang kraf untuk menceburkan diri dalam sektor perniagaan.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**5 Sep 2023**